

07 AUG 1997

FELCRA S.PERAK KAJI MEKANISASI LEBIH BESAR UTK PRODUKTIVITI LEBIH BAIK

Oleh: Muammar Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Felcra atau Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan mahu menggunakan lebih banyak mekanisasi di ladang-ladang di Desa Wawasan, Seberang Perak dekat Teluk Intan.

Pengarah Felcra Perak Ahmad Shaari berkata mekanisasi akan membolehkan para peserta rancangan tanah tidak bergantung sepenuhnya kepada tenaga buruh disebabkan kekurangan buruh dan kos yang relatif tinggi.

Bercakap kepada pemberita semasa lawatan suai-kenal ke projek bersepadu itu baru-baru ini, katanya para peserta di Desa Wawasan telahpun menggunakan mekanisasi tetapi mereka perlu meningkatkan lagi tahapnya bagi mempertingkatkan produktiviti.

Mereka telahpun menggunakan alat penyembur untuk menabur benih padi, traktor untuk penyediaan tanah, pesawat udara ringan untuk menabur baja dan mesin penuai untuk menuai.

"Tetapi masih terdapat ruang bagi pembaikan dan banyak benda perlu dibereskan," kata Ahmad.

Sebagai contoh, pasukan pengurusan di dalam FELCRA Seberang Perak berpendapat bahawa adalah lebih baik menggunakan traktor kecil di sawah padi berbanding dengan yang digunakan sekarang yang lebih berat dan untuk menggunakan pesawat udara untuk menyebarkan benih," tambahnya.

Pada masa ini, Felcra Seberang Perak menguruskan secara langsung kira-kira 4,305 hektar sawah padi contoh di mana para peserta dibayar upah bulanan dan menerima dividen pada akhir tahun.

Ia juga membantu mengatasi 800 ha sawah padi bukan contoh di kawasan itu di mana para peserta hanya menerima hasil jerih mereka pada penghujung musim menuai.

Sawah padi contoh seluas 4,305 ha boleh mengeluarkan kira-kira purata 5.5 tan pada sehektar setiap musim manakala 800 ha sawah padi bukan contoh boleh menghasilkan di antara 3.5 dan 4.5 tan sehektar setiap musim.

"Projek padi Felcra Seberang Perak mengamalkan dua musim menuai setahun dan Felcra sedang bekerja keras untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu penghasilan lapan tan sehektar semusim dalam dua tahun mulai sekarang," kata Ahmad.

Bagaimanapun, katanya menggunakan jentera penuai bersepadu, sawah padi sedang menghadapi kerugian selepas menuai lebih tinggi kira-kira satu tan sehektar, kerana banyak daripada jentera itu adalah lama dan tidak cekap.

Sebuah jentera penuai bersepadu baru untuk menuai padi berharga kira-kira RM300,000 manakala jentera yang diperbaiki berharga di antara RM90,000 dan RM100,000 sebuah.

Ahmad berkata Felcra Seberang Perak mungkin menimbang untuk membeli jentera penuai bersepadu baru untuk sawah-sawahnya selepas pengkorporatan lembaga itu yang dijadual pada 1 Sept tahun ini. Dr Mahathir dijangka melancarkan Felcra baru yang diperbadankan, Felcra Bhd, pada 6 Okt di Kuala Lumpur.

Di bawah pengkorporatan itu, Felcra dijangka menikmati autonomi yang lebih besar dan juga kelonggaran dalam operasinya. Misalnya, ia akan dibenarkan berniaga sambil mengekalkan tugas utamanya -- memulih dan menyatukan pengurusan tanah.

Ahmad berkata pembelian jentera penuai itu akan berkemungkinan dibuat melalui Koperasi Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak Bhd selepas urusan pengkorporatan itu kerana sebarang pembelian sekarang perlu dirujuk kepada kerajaan.

Ditanya kenapa kebanyakan pengendali jentera penuai bersepadu tidak membeli mesin baru, katanya ia mungkin bukan pelaburan yang baik memandangkan kadar sekarang bagi tuaian adalah pada harga yang murah sebanyak RM40 sehektar.

Felcra Seberang Perak juga mempunyai kilang pemprosesan benih padinya sendiri untuk menyokong operasi sawahnya yang telah beroperasi sejak 1991 dengan keupayaan maksimum pemprosesan sebanyak 32 tan sehari, kata pengurus kilang itu, Azman Mohd Azhar.

Dua jenis benih diproses oleh kilang itu, MR084 dan MR185. Felcra telahpun menjual kira-kira 300 tan benih kepada pesawah padi di Perak, Kedah dan Selangor.

Mengenai aktiviti kelapa sawit, Felcra Seberang Perak bermatlamat menggandakan keupayaan kilangnya kepada 60 tan sejam menjelang tahun depan daripada 30 tan sejam sekarang, kata pengurus kilangnya Mokhtar Jais.

Tambahnya bahawa kilang RM18.5 juta itu boleh mengilang kira-kira 18,000 tandan buah segar (FFB) sebulan dan mengeluarkan kira-kira 3,000 tan minyak sawit mentah.

Pada masa ini, terdapat 7,898 ha tanah di Desa Wawasan yang ditanam dengan kelapa sawit yang mengeluarkan kira-kira 25 tan tandan buah segar sehektar. -- BERNAMA

MK OS/sia